

21/03/1998

PM jelaskan tindakan jual saham

Azizi Othman in Hanover

HANOVER, Jumaat- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjelaskan, keputusan kerajaan membenarkan firma Bumiputera menjual saham mereka kepada bukan Bumiputera dan rakyat asing bertujuan mengelak syarikat yang diuruskan dengan baik daripada gulung tukar akibat kegawatan ekonomi di Asia Tenggara sekarang.

Menurut Perdana Menteri, perubahan dasar itu serupa dengan apa yang dilaksanakan oleh kerajaan ketika Malaysia mengalami kelembapan ekonomi pada 1985.

"Ia dibuat berdasarkan keperluan semasa. Jika pemilikan oleh bukan Bumiputera mampu mengelak firma Bumiputera itu bankrap, lebih baik pembelian itu dibenarkan," katanya dalam sesi soal jawab dalam Forum Perniagaan Malaysia-Jerman di sini.

Forum sehari dihadiri hampir 200 pemimpin perniagaan Malaysia dan Jerman yang kebanyakannya anggota Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) dan Dewan Perniagaan Malaysia-Jerman (MGCC).

Selain Presiden DPMM, Tan Sri Tajudin Ramli dan Presiden MGCC, Datuk Mohd Feisol Hassan, forum itu turut dihadiri ahli Dewan Perniagaan dan Industri Hanover-Hildesheim (IHK), diketuai Dr Klaus Von Menges.

Ketika kelembapan ekonomi pada 1985, kerajaan membenarkan syarikat asing memiliki kepentingan 100 peratus dalam operasi pembuatan mereka di Malaysia jika ia mengeksport semua produk dan memenuhi syarat berhubung pengambilan pekerja tempatan.

Dengan menegaskan langkah itu bukan bermakna syarikat Bumiputera tidak diuruskan dengan baik, Dr Mahathir berkata mana-mana syarikat pun akan menghadapi kesulitan jika terjejas akibat kegawatan ekonomi serantau.

"Dengan membenarkan syarikat Bumiputera menjual sebahagian saham mereka kepada bukan Bumiputera dan rakyat asing, ia mengelak mereka daripada menjadi muflis," katanya.

Sambil membayangkan kerajaan tidak akan menghapuskan dasar mengenai Bumiputera, Perdana Menteri berkata, pengagihan secara adil kekayaan antara Bumiputera dan bukan Bumiputera perlu dikekalkan bagi menjamin keharmonian dalam negara.

Menurutnya, hakikat bahawa rakyat Malaysia bersatu dalam menghadapi krisis ekonomi sekarang adalah bukti mengenai keharmonian yang wujud antara pelbagai kaum.

Masyarakat bukan Bumiputera, katanya, mampu mencapai kemajuan dan itu menunjukkan bahawa dasar berhubung Bumiputera bukan satu halangan bagi mereka. Menerusi dasar itu, pengagihan yang saksama berdasarkan komposisi kaum dilaksanakan dengan jayanya.

Perdana Menteri juga berkata, kesan jangkitan yang kononnya menjadi punca merebaknya kegawatan ekonomi sesebuah negara kepada jirannya, hanyalah alasan peniaga mata wang untuk menghalalkan tindakan haloba mereka.

Menurutnya, perkara itu terbukti kerana tiada siapa yang boleh memahami dengan jelas apakah maksud sebenar istilah 'kesan jangkitan' kegawatan ekonomi itu.

Dalam kes Malaysia, katanya, kegawatan ekonomi berlaku semata-mata kerana peniaga mata wang beranggapan ia patut menerima kesan jangkitan daripada masalah di Indonesia.

"Itulah sebabnya walaupun asas ekonomi kita kukuh, Malaysia tetap dilanda kegawatan. Lebih aneh ialah ketika Mexico mengalami masalah

ekonomi, ada yang mengatakan Malaysia mungkin turut terjejas.

"Hakikat bahawa Malaysia dan Mexico amat jauh sudah tentu membuktikan istilah `kesan jangkitan` masalah ekonomi itu hanya diwujudkan untuk tujuan tertentu," katanya.

Dr Mahathir berkata, peniaga mata wang menggunakan istilah itu untuk mengabui mata umum dan sebagai alasan bagi mereka menjual mata wang negara berkenaan, seterusnya menyebabkan nilainya turun.

"Sebenarnya, mereka yang menjual mata wang itulah yang menyebabkannya jatuh. Penurunan nilai ringgit sejak pertengahan tahun lalu menyebabkan Malaysia kehilangan kira-kira AS\$200 bilion (RM700 bilion)," katanya.

Ketika menjawab soalan mengapa `wabak' itu tidak menular ke negara seperti Vietnam dan Kemboja, Dr Mahathir berkata negara itu masih miskin dan tiada siapa yang mahu `merompak' mereka.

Mengulas bila masalah itu akan berakhir, beliau berkata ia bergantung kepada sejauh mana negara dapat mengurangkan pergantungan kepada dolar Amerika atau sehingga urusan niaga mata wang mampu dikawal selia.

"Ia sukar dijangka kerana kita tidak dapat mengawalinya. Kita mahukan nilai mata wang stabil tetapi peniaga mata wang mahu sebaliknya untuk membolehkan mereka mengaut keuntungan," katanya.

(END)